

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**
DARIPADA : **DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL**
RAHIM [BALING]
TARIKH : **15 JULAI 2019 (ISNIN)**

SOALAN NO. 6

Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah-langkah alternatif Kementerian dalam memastikan tindakan tegas diambil bagi menangani kes-kes penderaan rumah tangga khususnya di kawasan luar bandar seperti di Baling.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam isu keganasan rumah tangga, tiga strategi telah digunakan dalam menangani isu penderaan ini iaitu melalui kaedah perundangan, tindakan penguatkuasaan undang-undang dan kempen advokasi.

Namun, selain daripada tindakan tegas melalui peruntukkan undang-undang, Kementerian melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dan Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN) juga telah mengambil beberapa langkah alternatif dengan mengadakan kempen kesedaran dan advokasi untuk menangani kes penderaan rumah tangga. Antara program-program yang dijalankan termasuklah:

- (i) Perkhidmatan kaunseling motivasi;
- (ii) Klinik Guaman;
- (iii) Program Wanita Anti Jenayah (WAJA); dan
- (iv) Kempen menangani keganasan terhadap wanita sepanjang tahun.

Melalui perkhidmatan kaunseling dan motivasi, JPW melatih kumpulan wanita dalam komuniti dengan ilmu asas kaunseling yang dikenali sebagai *Lay Counselor*. Kumpulan ini merupakan sukarelawan barisan hadapan yang membantu komuniti setempat yang mengalami pelbagai masalah termasuklah isu keganasan dalam rumah tangga. Pada tahun ini, seramai 1,434 *Lay Counselor* orang telah dilatih menerusi program ini.

Manakala Klinik Guaman pula dilaksanakan bertujuan memberi pendedahan mengenai tindakan undang-undang yang boleh diambil oleh golongan wanita jika berlakunya kes penderaan dan keganasan dalam rumah tangga. Sebanyak 24 program telah dilaksanakan melibatkan 2,940 orang peserta manakala tiga program khas yang melibatkan 142 orang peserta berjaya diadakan di negeri Kedah.

Program Wanita Anti Jenayah (WAJA) pula dilaksanakan melalui seminar dan ceramah dengan tujuan memberi pengetahuan dan kesedaran kepada

SOALAN NO. 6

masyarakat mengenai jenayah yang membabitkan wanita. Secara keseluruhannya sebanyak 30 program telah dilaksanakan melibatkan 6,632 orang peserta dan seramai 324 orang peserta terlibat dalam empat program yang dijalankan di negeri Kedah.

Selain itu, JPW juga telah melancarkan “Kempen Menangani Keganasan Terhadap Wanita” yang dilaksanakan sepanjang tahun dan diadakan secara berterusan di setiap program-program JPW. Kempen ini antara lain telah berjaya mengumpul sebanyak 24,008 tandatangan sebagai tanda sokongan menolak keganasan terhadap wanita dan negeri Kedah berjaya mengumpul sebanyak 1,320 tandatangan bagi menyokong kempen ini.

Selain mengadakan kempen advokasi untuk menangani kes penderaan rumah tangga, Kementerian percaya dengan memberi pendedahan awal kepada pasangan yang bakal mendirikan rumah tangga mengenai kemahiran mengenali pasangan, persediaan mengenai tanggungjawab dalam perkahwinan dan hak pasangan dalam rumah tangga adalah sangat penting. Namun, semua tindakan ini perlu dilaksanakan secara bersepadu melibatkan pelbagai agensi dan Kementerian lain serta dijalankan secara berterusan di komuniti setempat termasuklah di kawasan Parlimen masing-masing.